# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

31 Mei 2024
*31 May 2024*
P.U. (A) 146

## PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (FI BAGI PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN DAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR) 2024

## *OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (FEE FOR REGISTRATION OF COMPETENT PERSON AND REGISTERED TRAINING PROVIDER) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (FI BAGI PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN DAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 66(2)*(q)* dan seksyen 31C dan 31E Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Fi bagi Pendaftaran Orang Kompeten dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024**.

**Fi bagi pendaftaran orang kompeten**

2. (1) Mana-mana orang yang membuat permohonan pendaftaran sebagai orang kompeten di bawah seksyen 31C Akta hendaklah membayar fi pemprosesan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama.

(2) Setelah permohonan di bawah seksyen 31C Akta diproses dan diluluskan, pemohon hendaklah membayar fi pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Pertama sebelum didaftarkan sebagai orang kompeten.

**Fi bagi pendaftaran penyedia latihan berdaftar**

3. (1) Mana-mana orang yang membuat permohonan pendaftaran sebagai penyedia latihan berdaftar di bawah seksyen 31C Akta hendaklah membayar fi pemprosesan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Kedua.

(2) Setelah permohonan di bawah seksyen 31C Akta diproses dan diluluskan, pemohon hendaklah membayar fi pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Kedua sebelum didaftarkan sebagai penyedia latihan berdaftar.

**Fi pembaharuan**

4. Tertakluk kepada seksyen 31E Akta, orang kompeten dan penyedia latihan berdaftar boleh memperbaharui pendaftarannya dengan membayar fi pembaharuan sebagaimana yang dinyatakan masing-masing dalam ruang (4) Jadual Pertama dan dalam ruang (4) Jadual Kedua.

**Cara pembayaran**

5. Apa-apa pembayaran di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar—

*(a)* secara tunai;

*(b)* secara kiriman wang, wang pos atau draf bank yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia atau Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja"; atau

*(c)* melalui kad kredit, kad debit atau pemindahan wang secara elektronik.

**Penepian fi**

6. Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya, dalam mana-mana hal tertentu, mengenepikan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana fi yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2 dan 4]

FI BAGI PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN ORANG KOMPETEN

| (1)<br>Bil. | (2)<br>Orang kompeten | (3)<br>Fi pemprosesan | (4)<br>Fi pendaftaran/<br>Fi pembaharuan |
|---|---|---|---|
| 1. | Syarikat | RM 300 | RM 3,000 |
| 2. | Individu | RM 50 | RM 200 |

JADUAL KEDUA

[Peraturan 3 dan 4]

FI BAGI PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR

| (1)<br>Bil. | (2)<br>Penyedia latihan berdaftar | (3)<br>Fi pemprosesan | (4)<br>Fi pendaftaran/<br>Fi pembaharuan |
|---|---|---|---|
| 1. | Syarikat | RM 150 | RM 1,500 |

Dibuat 30 Mei 2024
[KSM/PUU/(S) 600-1/2/9/5(2); PN(PU2)541/JLD.14]

SIM CHEE KEONG
*Menteri Sumber Manusia*

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH ACT 1994

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (FEE FOR REGISTRATION OF COMPETENT PERSON AND REGISTERED TRAINING PROVIDER) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by paragraph 66(2)*(q)* and sections 31C and 31E of the Occupational Safety and Health Act 1994 [*Act 514*], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Occupational Safety and Health (Fee for Registration of Competent Person and Registered Training Provider) Regulations 2024**.

**Fee for registration of competent person**

2. (1) Any person who makes an application for registration as a competent person under section 31C of the Act shall pay a processing fee as specified in column (3) of the First Schedule.

(2) After the application under section 31C of the Act is processed and approved, the applicant shall pay a registration fee as specified in column (4) of the First Schedule before being registered as a competent person.

**Fee for registration of registered training provider**

3. (1) Any person who makes an application for registration as a registered training provider under section 31C of the Act shall pay a processing fee as specified in column (3) of the Second Schedule.

(2) After the application under section 31C of the Act is processed and approved, the applicant shall pay a registration fee as specified in column (4) of the Second Schedule before being registered as a registered training provider.

**Renewal fee**

4. Subject to section 31E of the Act, a competent person and a registered training provider may renew their registration by paying a renewal fee as specified in column (4) of the First Schedule and in column (4) of the Second Schedule respectively.

**Mode of payment**

5. Any payment under these Regulations shall be paid—

*(a)* by cash;

*(b)* by money order, postal order or bank draft made payable to the Director General of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) Malaysia or Director of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) States and crossed with the words "Account Payee Only"; or

*(c)* by credit card, debit card or electronic fund transfer.

**Waiver of fee**

6. The Director General may, in his discretion, in any particular case, waive wholly or in part any fee specified in the Schedule.

FIRST SCHEDULE

[Regulations 2 and 4]

FEE FOR REGISTRATION AND RENEWAL OF COMPETENT PERSON

| (1)<br>No. | (2)<br>Competent person | (3)<br>Processing fee | (4)<br>Registration fee/<br>Renewal fee |
|---|---|---|---|
| 1. | Company | RM 300 | RM 3,000 |
| 2. | Individual | RM 50 | RM 200 |

SECOND SCHEDULE

[Regulations 3 and 4]

FEE FOR REGISTRATION AND RENEWAL OF REGISTERED TRAINING PROVIDER

| (1) No. | (2) Registered training provider | (3) Processing fee | (4) Registration fee / Renewal fee |
|---|---|---|---|
| 1. | Company | RM 150 | RM 1,500 |

Made 30 May 2024
[KSM/PUU/(S) 600-1/2/9/5(2); PN(PU2)541/JLD.14]

SIM CHEE KEONG
*Minister of Human Resources*